

BERITA HARIAN

DATE: 9 / 10 / 2008

Bukti Pak Lah utamakan kepentingan rakyat

BH-9/10/2008

Analisis

Oleh Kadir Dikoh
kadiro@bharian.com.my

SEBAIK saja selesai mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di ibu negara petang semalam, diikuti sidang media yang penuh sesak dengan wartawan termasuk media asing, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terus ke kediaman rasminya di Putrajaya.

Sepanjang sidang media selama kira-kira 20 minit, Perdana Menteri tidak kelihatan sedih, malah tenang pada hal beliau membuat pengumuman penting untuk bersara daripada jawatan eksekutif kerajaan dan kepe-

mimpinan parti, yang lazimnya diiringi titisan air mata.

Tentu kita masih ingat pada saat Tun Dr Mahathir Mohamad membuat pengumuman mengejut untuk meletak jawatan pada perhimpunan agung Umno petang 22 Jun 2002. Dr Mahathir sebak dengan suara tersekat-sekat dan penuh emosi.

Akhirnya, selepas dipujuk ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Dr Mahathir bersetuju menarik balik peletakan jawatan itu tetapi untuk tempoh setahun sehingga 31 Oktober 2003. Mulai 1 November 2003, Abdullah mengambil alih.

Tetapi menurut sumber yang rapat dengan Abdullah, Perdana Menteri sudah membuat keputusan muktamad itu seminggu lalu. Malah, ketika membentangkan-nya pada mesyuarat khas MT

Umno 26 September lalu, Abdullah sudah bertekad untuk berbuat demikian selepas mengambil kira sentimen rakyat.

"Tetapi sepanjang tempoh seminggu lalu, kami kadangkala tidak pasti sama ada Pak Lah akan menukar pendirian itu selepas beberapa ketua Umno bahagian dan pemimpin kerap datang menemuinya termasuk di kediaman rasmi Seri Perdana, Putrajaya.

"Ya, Pak Lah mendengar pandangan dan rayuan mereka tetapi Pak Lah secara khusus tidak memberi jawapan. Ternyata apabila beliau mengumumkan keputusan itu hari ini (semalam), bermakna Pak Lah sepanjang masa 'menutup telinganya' di sebalik pelbagai rayuan diterimanya itu," kata sumber itu lagi.

Ia sekali gus menidakkan beberapa laporan di laman blog dan khabar angin kononnya Abdullah masih mahu mempertahankan jawatan Presiden Umno.

Sebagai anak seorang ulama, Pak Lah mempunyai kesabaran sehingga selepas pengumuman semalam dan berjabat tangan dengan semua pemimpin 13 parti komponen BN, beliau masih mampu ketawa, riang dan berjenaka.

Itulah kelebihan keperibadian Pak Lah, tetapi ada yang berpendapat keadaan semasa tidak menyebelahi beliau apabila dunia dihambat krisis ekonomi, kenaikan harga makanan dan lonjakan harga minyak.

Berikutan itu, Pak Lah sejak setahun lalu terpaksa membuat beberapa keputu-

san yang tidak popular, terutama menaikkan harga minyak berikutan lonjakan harga pada pasaran dunia. Sudah tentu rakyat marah dan Pak Lah menjadi sasaran kecaman meskipun dari segi ekonomi, kenaikan itu perlu.

Rakyat mula merungut apabila kerajaan mula menaikkan harga minyak 30 sen pada 28 Februari 2006, tetapi apabila kerajaan menaikkan pada kadar 78 sen iaitu paras tertinggi pada Jun lalu, kemarahan itu semakin meluap dan sekali lagi Pak Lah menjadi sasaran.

Inilah sebenarnya percikan bermulanya BN menjadi kecaman sehingga kalah teruk pada pilihan raya umum lalu.

Namun untuk tempoh lima bulan akan datang, Pak Lah tidak seharusnya dianggap

sebagai 'Lame duck Prime Minister' (Perdana Menteri tiada kuasa), kerana beliau masih Presiden Umno dan Perdana Menteri.

Apa yang diputuskan oleh beliau semalam, sebenarnya memberi keutamaan kepada kepentingan parti dan negara kerana memang menjadi hasratnya, untuk menyerahkan parti yang kukuh dan bersatu padu kepada bakal penggantinya, Datuk Seri Najib Razak.

Dalam babak terakhir pemerintahannya sehingga Mac tahun depan, biarlah Abdullah meneruskan hasratnya untuk memperbaharui badan kehakiman dan memerangi rasuah. Kita berharap Pak Lah akan terus mencari Damai Abadi seperti puisi karyanya, apabila bersara nanti.